



TATACARA PENGURUSAN PERALATAN SUKAN:

Kerosakan, Kehilangan, Dan Ganti Rugi Peralatan Untuk Kegunaan Akademik

JAWATANKUASA KEMUDAHAN SUKAN

KOLEJ POLY-TECH MARA, BANGI

TATACARA PENGURUSAN PERALATAN SUKAN:

Kerosakan, Kehilangan, Dan Ganti Rugi Peralatan Untuk Kegunaan Akademik

1. Pengenalan

Menjelaskan tentang tatacara penggunaan, pengagihan, dan pelupusan peralatan sukan dan alatan bantuan mengajar yang rosak atau habis guna yang digunakan oleh pelajar dan pensyarah KPTM, Bangi.

2. Takrifan

- 2.1. Peralatan sukan ditakrifkan sebagai alatan sukan seperti bola jaring, bola tenis, bola tampar, bola futsal atau peralatan lain yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bergantung kepada keperluan kursus dari semasa ke semasa.
- 2.2. Alatan bantuan mengajar ditakrifkan sebagai barang-barang yang digunakan untuk memudahkan proses PdP seperti kursus *Sports Massage* iaitu anduh, *table massage*, minyak atau peralatan lain yang digunakan semasa proses PdP bergantung kepada keperluan kursus dari semasa ke semasa.
- 2.3. Peralatan rosak ialah alatan sukan yang tidak boleh atau tidak sesuai digunakan untuk proses PdP yang perlu direkod dan dilupuskan.
- 2.4. Peralatan gunahabis ialah barang kerap digunakan atau barang mudah rosak atau barang bernilai rendah atau barang tidak ekonomik contohnya, bola futsal dan pembalut luka. Barang-barang yang hanya boleh digunakan sekali sahaja semasa proses PdP dan perlu direkod dan dilupuskan selepas digunakan.

3. Skop

- 3.1. Melibatkan semua peralatan sukan di stor simpanan blok D dan alatan bantuan mengajar yang dimiliki dan diguna oleh pensyarah BS101 bagi tujuan PdP.
- 3.2. Peralatan sukan.
- 3.3. Alatan bantuan mengajar.

4. Penggunaan Peralatan Sukan dan Alatan Bantuan Mengajar

- 4.1 Semua peralatan sukan dan alatan bantuan mengajar yang diperolehi untuk atau bagi pihak Jawatankuasa Kemudahan Sukan (JKS) KPTM Bangi atau yang dipasang oleh staf KPTM Bangi untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, program rasmi kolej atau pentadbiran adalah menjadi hakmilik KPTM Bangi.

- 4.2 Bagi peralatan sukan dan alatan bantuan mengajar yang diterima dan dipasang, maklumat tentang pengeluaran seperti nombor siri dan nombor model mestilah direkod dan dikekalkan.
- 4.3 Peralatan sukan dan alatan bantuan mengajar tersebut tidak dibenarkan dijual, disewa, dipaten, dipinjam atau diberi kepada sesiapa tanpa kebenaran. Peralatan ini juga perlulah dikeluarkan mengikut had pengeluaran yang ditetapkan.
- 4.4 Peralatan sukan bagi tujuan PdP ini juga adalah berasingan daripada hak milik peralatan sukan di HEP, yang mana tidak dibenarkan untuk kegunaan aktiviti selain PdP.

5. Tanggungjawab Pengguna

- 5.1. Adalah menjadi **tanggungjawab pengguna iaitu para pensyarah Sains Sukan dan pelajar** memastikan keselamatan peralatan sukan dan alatan bantuan mengajar diperuntukkan kepadanya. Pengguna tidak boleh membiarkan peralatan tersebut berada di kawasan yang terbuka, terbiar dan boleh dicapai oleh orang lain.
- 5.2. Pengguna tidak berhak mengganggu dengan apa cara sekalipun peralatan sukan dan alatan bantuan yang bukan berada di bawah kawalannya. Ini termasuk mengguna atau mengambil tanpa kebenaran, mencerooboh dan mencuri peralatan tersebut atau aksesoriannya.
- 5.3. Sebarang penggunaan **secara perkongsian** (sharing) adalah menjadi tanggungjawab bersama pengguna-pengguna terbabit.
- 5.4. Pengguna adalah dilarang memindahkan lokasi asal peralatan sukan dan alatan bantuan mengajar khusus tanpa kebenaran.

6. Kerosakkan, Kehilangan dan Ganti Rugi

- 6.1. Sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kerosakan atau permasalahan teknikal sepanjang tempoh penggunaan, pengguna adalah bertanggungjawab untuk **melaporkan** kerosakan atau permasalahan teknikal tersebut kepada pensyarah untuk tindakan susulan.
- 6.2. Bagi peralatan sukan yang hilang semasa PdP dijalankan, pengguna adalah bertanggungjawab untuk **membayar denda** bagi menggantikan barangan yang hilang mengikut nilai barangan tersebut.
- 6.3. Bagi peralatan sukan yang disewa, penyewa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas peralatan yang disewa. Pihak KPTM Bangi akan memberikan sokongan dan bantuan teknikal berdasarkan terma dan syarat penyewaan seperti dilampirkan di dalam Tatacara Penyewaan Peralatan Sukan dan alatan bantuan mengajar.

- 6.4. Segala pembayaran bagi ganti rugi peralatan yang hilang atau rosak (bagi peralatan yang bernilai RM100.00 dan keatas), boleh berurusan dengan pihak kewangan dan akan di masukkan ke dalam akaun operasi.

7. Penggantian peralatan sukan dan alatan bantuan mengajar

- 7.1. Secara dasarnya, peralatan sukan dan dan alatan bantuan mengajar yang masih boleh berfungsi dengan baik tidak akan digantikan sehingga ianya tidak ekonomik untuk dibaiki.
- 7.2. Walau bagaimanapun, penggantian peralatan sukan dan alatan bantuan mengajar adalah berdasarkan stok semasa atau adanya peruntukan.
- 7.3. Peralatan asal mestilah dikembalikan kepada PIC untuk tujuan rekod dan pelupusan.
- 7.4. Borang akan disediakan untuk penggantian peralatan sukan dan akan di sahkan oleh JKS KPTM Bangi.
- 7.5. Bagi alatan bantuan mengajar khasnya untuk Kursus Sports Massage yang dikategorikan sebagai alatan habis guna/buang seperti *taping* dan sebagainya ianya perlulah dihadkan penggunaan semasa PdP mengikut kesesuaian. Alatan yang telah habis guna tersebut juga perlu direkod sebelum dilupuskan.

TAMAT